# Kertas Bil. 35/2022

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 14 – 18 MAC DAN 21 MAC 2022**

---

## PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG BENCANA BANJIR PADA BULAN DISEMBER 2021 DI NEGERI SELANGOR

**KERTAS BILANGAN 7/2022**

---

# MAKLUM BALAS

# JPS

| BIL | TAJUK PENYATA | | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR (JPS)** | | | | |
| | | 5.2 | Jawatankuasa menyarankan agar pihak JPS dapat merangka sebuah polisi baharu berkaitan projek pembangunan di persisiran sungai dan pantai terutamanya di kawasan zon ekologi hijau dengan mengkaji polisi yang diguna pakai di luar negara sebagai panduan. | √ | | Garis Panduan Berkaitan Pembangunan di Persisiran Sungai dan Pantai yang dirujuk oleh JPS adalah seperti berikut:-<br><br><u>Pengurusan Sungai:-</u><br>a) Pengwartaan Rizab Sungai (1991)<br>b) Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai (1995)<br>c) Penanaman Pokok-Pokok Yang Sesuai di Tebing Sungai (1995)<br>d) Kerja-kerja Pengindahan Kawasan Pinggir Sungai (1995)<br><br><u>Pengurusan Pantai:-</u><br>a) *Guidelines for Preparation of Coastal Engineering Hydraulic Study and Impact Evaluation*<br>b) *Guidelines on Erosion Control for Development Projects in the Coastal Zones* |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Pihak JPS akan meneliti dan menyemak berkaitan polisi ini untuk disesuaikan dengan keperluan semasa. |
| | | 5.3 | Jawatankuasa menyarankan agar pihak JPS dapat menaiktaraf sistem siren sedia ada dengan teknologi terkini dan mewujudkan satu sistem amaran bertahap serta penggunaan bunyi siren yang berbeza supaya penduduk dapat bertindak mengikut maklumat yang diterima dengan mudah. JPS juga disarankan meneliti sistem bunyi siren yang diguna pakai oleh negara luar semasa berlaku sesebuah bencana. | √ | | Pihak JPS telah mula menaiktaraf sistem siren dengan menggunakan spesifikasi terkini yang diguna pakai oleh Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN). Di dalam spesifikasi ini, sistem bunyi telah dinaiktaraf. Kerja-kerja pemasangan sistem siren menggunakan spesifikasi ini sedang dilaksanakan di lima (5) lokasi di Taman Sri Muda iaitu di Kunci Air Sri Muda, Jalan Azam 25/23, Jalan Jitu 25/125, Jalan Sepadu 25/123 dan Persiaran Aman. Projek ini dijangka siap pada bulan Oktober 2022. |
| | | 5.4 | Jawatankuasa menyarankan JPS untuk memasang siren amaran banjir di kunci-kunci air dan memastikan ianya diselenggara secara berkala supaya | √ | | Pemasangan siren amaran banjir di lokasi kunci air telah pun mula dilaksanakan. Kerja yang sedang dilaksanakan |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | sentiasa berfungsi dengan baik. Penyelenggaraan ini juga perlu dilaksanakan bagi semua siren sedia ada. | | | adalah pemasangan sistem siren lengkap dengan *IP Camera* menggunakan spesifikasi PRABN di kunci air Taman Sri Muda yang dijangka siap pada bulan Oktober 2022.<br><br>Pihak JPS menjalankan kerja penyelenggaraan sistem siren secara berkala setiap bulan menggunakan Peruntukan Mengurus Negeri untuk memastikan sistem siren sentiasa berfungsi dengan baik.<br><br>Selain itu, pihak JPS juga melaksanakan Kerja-Kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf Stesen-Stesen Siren Amaran Banjir dengan mengunakan Peruntukan Persekutuan. |
| | | 5.5 | Jawatankuasa mencadangkan JPS menaiktaraf kunci-kunci air sedia ada dan menambah kunci-kunci air di kawasan-kawasan berisiko tinggi. | √ | | JPS telah mengambil maklum berkenaan perkara ini. Pada tahun 2022, JPS sedang melaksanakan pembaikan dan naiktaraf kunci air / pintu air milik JPS Selangor seperti berikut:- |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | a) 9 Pintu Air Daerah Sabak Bernam (Beting Kepah, Parit 6 Sekinchan, Parit 10 Pasir Panjang, Bagan Nakhoda, Tebuk Mendeleng, Parit Baru, Sg. Air Tawar, Pekan Sabak, Rumah Rehat)<br>b) Pintu Air Jugra, Daerah Kuala Langat<br>c) 7 buah Pintu Air Daerah Klang (Taman Sri Muda, Sg. Kapar Kecil, Sg Sementa, Sg. Daun, Kg. Raja Uda Sg. Sireh, Yatch Club, Kg. Delek)<br>d) 6 buah Pintu Air Daerah Kuala Selangor (Pokok Pauh, Kemsey, Tg. Siam, Kg. Kedah, Parit Merbau 2, Puting Beliung 2)<br>e) Pintu Air Sg. Semarang, Daerah Sepang<br>f) Pintu Air Parit C, Daerah Petaling<br><br>Manakala, cadangan tahun 2023 untuk naiktaraf pintu air sedia ada (berserta pembinaan rumah |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | pam baru) milik JPS Selangor adalah seperti berikut:-<br><br>a) Pintu Air Sg. Kapar Besar 1 & 2, Daerah Klang<br>b) Pintu Air Sg. Kapar Kecil 1 & 2, Daerah Klang<br>c) Pintu Air *Screwdown* Telok Gong, Daerah Klang<br>d) Pintu Air 44 & 44A, Kg. Delek Telok Gadong, Daerah Klang<br>e) Pintu Air Kg. Lombong, Daerah Klang<br>f) Pintu Air Bukit Lanchong, Daerah Petaling<br>g) Pintu Air dan *Screwdown Gate* Kg. Baru Hicom, Daerah Petaling<br>h) Pintu Air Parit Satu Kg. Tengah, Daerah Petaling<br>i) Pintu Air A dan C, Daerah Petaling<br><br>Cadangan tambahan JPS:- Selaraskan kerja pembaikan / naiktaraf aset pintu air selain daripada milik JPS Selangor (contoh milik PBT) untuk atasi |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | masalah banjir secara lebih bersepadu.<br><br>Contoh No. 1: Kejadian banjir di Kg. Sri Aman, Daerah Petaling adalah berpunca daripada sistem saliran majlis yang tidak bersambung ke Pintu Air JPS, Pintu Air Parit A, Daerah Petaling.<br><br>Contoh No 2: Pintu Air milik MBSA berhampiran pejabat BPME, JPS Selangor yang sentiasa dibuka dan tidak pasti status kebolehoperasian pintu air tersebut. |
| | | 5.6 | Jawatankuasa juga menyarankan Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada JPS dalam pembahagian peruntukan pembangunan. | √ | | Pihak JPS amat mengharapkan keutamaan dalam pembahagian peruntukan pembangunan. Namun, pembahagian peruntukan pembangunan tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S.
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 5.7 | Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri untuk membantu pihak JPS dalam memastikan pelaksanaan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) di Negeri Selangor dapat dipercepatkan sebelum dari tempoh yang dinyatakan kerana bimbang bencana yang sama bakal berlaku lagi dalam masa terdekat. | √ | | "Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri dan Kerja-Kerja Berkaitan di Negeri Selangor untuk Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) Fasa 2" sedang dilaksanakan bermula 1 September 2021 dan dijangka siap pada 31 Mac 2024. Projek ni bernilai RM20 juta melibatkan 280 stesen di seluruh Negeri Selangor. |
| | | 5.8 | Jawatankuasa juga menggesa JPS untuk memberikan keutamaan dengan melaksanakan segera kajian semula reka bentuk sistem saliran sedia ada dan juga sistem tebatan banjir khususnya di kawasan tebatan banjir sedia ada yang gagal menangani bencana banjir baru-baru ini. | √ | | JPS Malaysia sedang menjalankan "Kajian Pelan Induk Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Klang" yang telah bermula pada 1 Oktober 2021 dan dijangka siap pada 30 September 2023 dengan kos kajian sebanyak RM2 juta. Skop kajian merangkumi Lembangan Sungai Klang seluas 1,297 km persegi dan panjang 120 km dari Empangan Klang *Gates* sehingga ke Pelabuhan Klang yang melibatkan sungai-sungai |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S.
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | seperti berikut:-<br><br>a) Sungai Gombak<br>b) Sungai Batu<br>c) Sungai Ampang<br>d) Sungai Keroh<br>e) Sungai Kerayong<br>f) Sungai Kuyoh<br>g) Sungai Penchala<br>h) Sungai Rasau<br>i) Sungai Damansara<br><br>Selain itu, JPS Selangor juga sedang menjalankan tiga (3) Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) yang perlu dipatuhi oleh setiap pemaju bagi mengurangkan kejadian banjir kilat terutamanya di kawasan bandar seperti berikut:- |

| Bil. | Tajuk Kajian | Status |
|---|---|---|
| 1. | PISMA Sepang | Dijangka siap pada 31 Julai 2022 |
| 2. | PISMA Kuala | Dijangka siap pada |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | <table><tr><td></td><td>Selangor</td><td>31 Julai 2022</td></tr><tr><td>3.</td><td>PISMA Sungai Besar</td><td>Proses pelantikan perunding kajian dijangka bermula pada suku pertama tahun 2023</td></tr></table><br>Manakala JPS Malaysia akan menjalankan tiga (3) Kajian PISMA seperti berikut:-<br><table><tr><th>Bil.</th><th>Tajuk Kajian</th><th>Status</th></tr><tr><td>1.</td><td>PISMA Semenyih</td><td>Proses pelantikan perunding kajian</td></tr><tr><td>2.</td><td>PISMA Selayang, Rawang & Kuang</td><td>Proses pelantikan perunding kajian</td></tr><tr><td>3.</td><td>PISMA Bandar</td><td>Proses permohonan</td></tr></table> |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | <table><tr><td></td><td>Sepang, Pekan Meru dan Puchong, Selangor</td><td>pertambahan skop kajian</td></tr></table><br><br>Di samping itu, JPS sedang dalam pelaksanaan reka bentuk terperinci bagi 20 projek tebatan banjir pada tahun 2022 dan memberi keutamaan kepada projek-projek untuk ditender segera terutamanya yang tidak melibatkan pengambilan tanah selaras dengan siling sedia ada. |
| | | 5.9 | Jawatankuasa menyarankan JPS **menyegerakan** pelaksanaan cadangan bagi mengatasi bencana banjir pada masa akan datang merangkumi langkah struktur dan bukan struktur serta menggesa Kerajaan Persekutuan dan Negeri menyokong usaha-usaha yang dicadangkan oleh JPS. | √ | | Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan langkah mengatasi bencana banjir jangka masa panjang iaitu "Projek Mendalamkan dan Melebarkan Sungai Klang Termasuk Meninggikan Ban Sungai Klang" untuk dilaksanakan oleh Syarikat Kerajaan Negeri (GLC).<br><br>Kerajaan Persekutuan juga dalam pertimbangan empat (4) |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

<table>
<tr><th>BIL</th><th>TAJUK PENYATA</th><th colspan="2">SARANAN</th><th>DITERIMA</th><th>DITOLAK</th><th>ULASAN/TINDAKAN MMKN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td>projek seperti berikut di bawah Peruntukan Off Budget:-<br><br>
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Tajuk Projek</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 2</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Rancangan Tebatan Banjir Sungai Damansara</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kapar Kecil dan Sungai Kapar Besar</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Rancangan Tebatan Banjir Sungai Klang di Seksyen 25 Shah Alam</td></tr>
</table>
<br>Pihak JPS akan menyegerakan pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di kawasan hotspot banjir terutamanya yang tidak melibatkan pengambilan tanah.</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td colspan="5">PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
</table>

# MAKLUMA BALAS

# PBT

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)** | | | | |
| | | 5.10 | Jawatankuasa menyarankan agar PBT mengawal pembangunan di lereng bukit, persisiran sungai dan pantai serta kawasan-kawasan berisiko tinggi semasa proses kelulusan permohonan kebenaran merancang dibuat oleh pihak pemaju. | | | **MBSA:**<br>Setiap pembangunan yang melibatkan kawasan cerun di dalam kawasan MBSA diluluskan terlebih dahulu di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Negeri Selangor. Oleh yang demikian, pihak MBSA akan memantau kawalan pembangunan yang telah diluluskan dan memberi pandangan jika terdapat risiko.<br><br>**MBPJ:**<br>Semua permohonan yang melibatkan pembangunan di lereng bukit serta kawasan berisiko adalah disyaratkan untuk mengemukakan permohonan di Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JKSAS) sebelum mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang (KM) di Pihat Berkuasa Tempatan (PBT). |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S.
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **MBSJ:**<br>MBSJ telah mempunyai senarai semak permohonan KM yang meminta pemaju mengemukakan permohonan serentak KM dan Pelan Kerja Tanah termasuk Laporan Geoteknikal atau Laporan Penyiasatan Tanah.<br><br>**MPK:**<br>Permohonan pemajuan di kawasan lereng bukit, persisiran sungai dan pantai serta kawasan-kawasan berisiko tinggi perlu mematuhi keperluan garis panduan dan piawaian perancangan yang ditetapkan serta mematuhi ulasan dan keperluan dari agensi-agensi teknikal berkaitan iaitu JMG, JPS, LUAS dan JKR. Cadangan susunatur yang dikemukakan juga perlu diselaraskan dengan bentuk mukabumi dan kontur dan syarat pematuhan perlu dipatuhi ketika kerja tanah dibuat. |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **MPAJ:**<br>Setiap cadangan pembangunan di kawasan lereng bukit dan kawasan berisiko disyaratkan untuk mematuhi Garis Panduan Pembangunan Bukit dan Tanah Tinggi serta keperluan pertimbangan Jawatankuasa Teknikal KSAS bagi pembangunan di kawasan bercerun. Kawalan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan berisiko juga diterjemahkan secara terperinci dalam Rancangan Tempatan di mana pihak majlis mensyaratkan pematuhan di peringkat awal bagi setiap permohonan oleh pihak pemaju dari sudut aktiviti yang dibenarkan, had ketinggian, densiti dan lain-lain.<br><br>**MPS:**<br>Di peringkat PBT, proses permohonan pembangunan diselaraskan dan dikawal oleh |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Jabatan Pusat Setempat (OSC). Ini adalah bertujuan untuk memudahkan keperluan memenuhi semua peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan projek pembangunan dan keperluan teknikal jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan turut dipatuhi.<br><br>Setiap jenis permohonan pelan pembangunan perlu mematuhi Manual Garis Panduan & Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan lain-lain garis panduan yang berkaitan serta perlu mematuhi keperluan agensi teknikal termasuklah semua pembangunan di kawasan tanah tinggi serta kawasan-kawasan yang berisiko tinggi yang mana perlu mematuhi Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit Dan Tanah Tinggi Negeri Selangor. |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Berdasarkan Garis Panduan ini, mana-mana permohonan pembangunan di kawasan cerun melibatkan Kelas III dan IV hendaklah dipertimbangkan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal KSAS sebelum permohonan KM dikemukakan kepada PBT untuk proses kelulusan pembangunan.<br><br>**MPKj:**<br>Permohonan KM yang melibatkan kawasan sensitif alam sekitar iaitu kawasan berkecerunan Kelas III dan IV perlu dirujuk kepada Jawatankuasa KSAS untuk kelulusan terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada OSC PBT.<br><br>**MPSp:**<br>Pihak MPSepang mengambil maklum dan tindakan ke atas pembangunan-pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar yang berisiko tinggi |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | perlu merujuk kepada pihak JKSAS untuk mendapat kelulusan serta perlu mendapatkan sokongan daripada agensi teknikal yang berkaitan seperti LUAS, JPS, JMG dan JKR.<br><br>**MPKL:**<br>Telah diambilkira semasa proses kelulusan KM merujuk kepada garis panduan yang telah ditetapkan dalam manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang berkuat kuasa.<br><br>Dalam masa yang sama ianya telah dilaksanakan di peringkat KM dan Kerja Tanah dengan meminta pihak PSP mengemukakan laporan SI, *Geotech* serta kaedah rawatan tanah yang disyorkan mengikut kesesuaian tanah dan tapak. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S.
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **MPKS:**<br>Selain perlu mematuhi Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga), pihak pemaju juga dikehendaki mendapatkan kelulusan JKSAS Negeri Selangor bagi pemajuan yang melibatkan kawasan lereng bukit. Pihak Majlis juga akan mengambil kira pandangan dan syarat yang dikenakan oleh agensi-agensi teknikal berkaitan seperti LUAS, JPS dan JAS bagi setiap pemajuan sebelum pelan diperakukan untuk kelulusan.<br><br>**MPHS:**<br>Pihak MPHS mensyaratkan pembangunan di lereng bukit yang mempunyai kecerunan Kelas III dan IV dan memenuhi kriteria di bawah Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi Negeri Selangor perlu mendapat perakuan dari |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Mesyuarat JKSAS sebelum dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Perancangan Pembangunan MPHS.<br><br>**MDSB:**<br>MDSB mengambil maklum dan menerima pakai pengawalan pembangunan lereng bukit, kawasan persisiran sungai dan pantai semasa proses kelulusan KM.<br><br>Walau bagaimanapun, ianya melibatkan perancangan pembangunan di sesuatu tempat dan perlu mendapat penelitian dari setiap agensi teknikal sama ada di peringkat PBT atau agensi teknikal lain seperti JKR, JPS, LUAS dan Jabatan Mineral dan Geosains. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 5.11 | Jawatankuasa berpandangan setiap Jabatan Teknikal di PBT dan agensi berkaitan untuk menjadikan pembangunan *on-site detention* (OSD) di setiap bangunan yang bakal dibina terutamanya di kawasan zon ekologi hijau sebagai salah satu syarat semasa mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang. | | | **MBSA:**<br>Pihak Majlis sedang dalam proses mengkaji konsep *Sponge City* bagi kawasan pembangunan baharu agar konsep hijau dapat diterapkan dalam pembangunan di kawasan MBSA. Ia adalah sebahagian daripada komponen **non-structural measures** dalam *Shah Alam Sustainable Urban Drainage Masterplan* (SASUD). Untuk makluman, kelulusan pembangunan OSD diulas oleh pihak JPS.<br><br>**MBPJ:**<br>Syarat penyediaan OSD disyaratkan oleh Jabatan Kejuruteraan, MBPJ bagi ulasan KM.<br><br>**MBSJ:**<br>MBSJ telah meletakkan syarat OSD kepada pemaju dalam syarat Kelulusan KM, Pelan |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Kerja Tanah, Pelan Bangunan dan Pelan Jalan dan Perparitan.<br><br>**MPK:**<br>Cadangan OSD yang dicadangkan ke atas setiap permohonan KM adalah tertakluk kepada ulasan dan keperluan dari pihak JPS dan MPK.<br><br>Cadangan OSD di zon ekologi hijau perlu diselaraskan dengan keperluan penyediaan kawasan lapang dan pengekalan kawasan zon ekologi sebagai penampan kepada pembangunan dipesisir sungai atau pantai dan di MPK perlu diambil kira dari penyediaan pelan KM.<br><br>**MPAJ:**<br>Keperluan penyediaan OSD adalah diwajibkan bagi setiap pembangunan mengikut saiz tapak dan kapasiti yang diperlukan selaras dengan syarat yang ditetapkan oleh |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | pihak JPS di peringkat permohonan KM.<br><br>**MPS:**<br>Kelulusan bagi sebarang pembinaan OSD adalah di bawah tanggungjawab pihak JPS di mana ulasan dan syarat-syarat keperluan pembinaan akan dinyatakan dalam ulasan teknikal yang dikeluarkan oleh JPS semasa permohonan kelulusan KM serta kelulusan saliran dan perparitan yang dikemukakan oleh pihak pemaju/ OSC.<br><br>**MPKj:**<br>Penyediaan OSD tertakluk kepada keputusan JPS dan disyaratkan semasa kelulusan KM.<br><br>**MPKL:**<br>Keperluan penyediaan OSD telah disyaratkan dalam mempertimbangkan kelulusan KM dengan merujuk kepada keperluan daripada JPS. |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Selain itu, ianya berpandukan kepada garis panduan PLANMalaysia. Dalam masa yang sama juga pembinaan OSD berpandukan kepada syarat JPS mengikut Manual Saliran Mesra Alam (MSMA). Bagi bangunan rumah persendirian, perlu kajian terperinci kerana kemungkinan akan dirobohkan oleh pemilik rumah persendirian dan fungsi OSD sebagai kolam takungan sementara bagi mengawal pengaliran air hujan yang tidak tercapai.<br><br>**MPSp:**<br>Pihak MPSepang mengambil maklum terhadap keperluan dan kegunaan OSD dalam pembangunan berdasarkan kehendak agensi teknikal berkaitan yang perlu dipatuhi semasa pertimbangan kelulusan KM dibuat. |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **MPKS:**<br>Pelan-pelan bagi permohonan KM hanya akan diperakukan setelah pemohon/ pemaju mendapatkan serta mematuhi ulasan pihak JPS bagi penyediaan OSD terutama pemajuan yang melibatkan kawasan-kawasan berisiko banjir.<br><br>**MPHS:**<br>Pihak MPHS mengambilkira keperluan penyediaan OSD dalam mempertimbangkan pelan pembangunan oleh pemaju mengikut keperluan JPS.<br><br>**MDSB:**<br>MDSB mengambil maklum dan memastikan penyediaan OSD dalam pembangunan semasa proses kelulusan KM. Ia juga perlu mendapat penelitian dari setiap agensi teknikal sama ada di peringkat PBT atau agensi teknikal lain seperti JKR, JPS, LUAS dan |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Jabatan Mineral dan Geosains. |
| | | 5.12 | Jawatankuasa menyarankan agar aset-aset PBT bagi tujuan memberi amaran dan menyelamat ketika berlaku bencana ditambah dan dinaik taraf dengan sistem teknologi kecerdasan buatan (AI) agar kerja-kerja menyelamat dapat dijalankan dengan lebih efisien dan maklumat disampaikan dengan lebih cepat. | | | **MBSA:**<br>Pihak Majlis dalam proses penyediaan sistem integrasi untuk amaran, ramalan dan pemantauan banjir dengan sistem teknologi kecerdasan buatan (AI) yang dijangka bermula dalam bulan Ogos 2022 secara berfasa. Fasa permulaan akan dijalankan di sebahagian Pusat Bandar dan kawasan banjir di Shah Alam. Ia dijangka dapat digunakan sebahagian sistem semasa musim banjir tahun ini.<br><br>Sistem ini mempunyai tiga (3) teras utama iaitu pengurusan banjir, pengurusan lalulintas dan pengurusan aset.<br><br>**MBPJ:**<br>Majlis mengambil maklum berhubung perkara ini. Majlis sedang merancang untuk menambah dan menaik taraf |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | aset-aset bagi memenuhi keperluan sekiranya berlaku bencana banjir.<br><br>**MBSJ:**<br>MBSJ telah meletakkan Sistem Amaran Banjir di lima (5) lokasi dan sebarang kenaikan paras air akan terus dihantar ke *Command Center* MBSJ dan telefon Pegawai Penyelia.<br><br>**MPK:**<br>MPK sentiasa bersiap siaga dalam memberi amaran kepada penduduk setempat dengan menggunakan pembesar suara/ siren kenderaan Majlis jika terdapat amaran awal (maklumat) yang dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan. Sistem amaran kecemasan juga perlu dipasang oleh JPS di setiap Kunci Air bagi memberi amaran awal. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **MPAJ:** Pihak majlis telah bersiap sedia untuk tugasan menyelamat mangsa banjir dengan menyediakan tiga (3) buah bot. Pihak Majlis juga telah memperuntukan pembelian jentera berat seperti Lori High Pressure Tanker (HPT) dan Vacuum Suctipn Vehicle (Vecol) pada Bajet Tahun 2023.<br><br>**MPS:**<br>Pihak Majlis bercadang untuk membuat kajian bagi mewujudkan sistem amaran awal banjir dan tanah runtuh yang boleh dipantau melalui *command centre* MPS dengan kerjasama SELGEM dan SSDU.<br><br>Untuk makluman, beberapa aset baharu sedang dalam proses pembelian seperti dua (2) buah bot bersama enjin dan peralatan-peralatan bantuan yang lain. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S.
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **MPKj:**<br>Majlis mengambil maklum dan mempertimbangkan cadangan ini untuk menambah baik aset-aset bagi memenuhi keperluan sekiranya berlaku bencana banjir.<br><br>**MPSp:**<br>MPSepang sedang dalam perancangan mewujudkan sistem amaran banjir iaitu *water level detection by using video analytics.* Sistem ini telah dimasukkan dalam salah satu pelan tindakan CCTV *masterplan* MPSepang yang bakal dilaksanakan untuk tujuan tersebut.<br><br>**MPKL:**<br>Bagi meningkatkan kemampuan dan kesiapsiagaan MPKL dalam melaksanakan misi menyelamat dan memindahkan mangsa banjir, skuad PANTAS MPKL telah diperuntukkan dengan |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

AB. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | beberapa buah aset seperti yang berikut:<br><br>Aset yang telah dibeli:<br>i. 1 buah *Cartopper Boat* – telah diterima; dan<br>ii. 1 buah *Delta Inflatable Boat* beserta enjin – dalam proses penghantaran.<br><br>Aset yang dalam proses pembelian:<br>i. 1 buah bot Whaly 500R Profesional (beserta enjin dan aksesori);<br>ii. 3 buah bot Alumunium Kimple Angler 450 (1 buah enjin);<br>iii. 1 buah Toyota Hilux Toyota Double Cab 2.8cc (lengkap aksesori 4x4); dan<br>iv. 2 buah motorsikal Honda ADV 150.<br><br>Selain itu, pihak MPKL juga telah menambah saluran aduan secara talian mudah alih dan *whatsaap* bagi |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | pasukan PANTAS MPKL serta pelbagai jabatan dalaman MPKL bagi memastikan aduan dapat diterima dan disalurkan secara lebih cepat.<br><br>**MPKS:**<br>Pihak MPKS dalam proses untuk mewujudkan *command centre* bagi mengawal dan membuat pemantauan melalui CCTV di lokasi *hot spot* bagi memudahkan sebarang tindakan dapat diambil dengan lebih efisen dan cepat.<br><br>**MPHS:**<br>Tiada keperluan di peringkat PBT memandangkan urus setia bencana di peringkat daerah adalah Pejabat Daerah Tanah Hulu Selangor. MPHS akan bergerak mengikut arahan Jawatankuasa Bencana Daerah.<br><br>**MDSB:**<br>MDSB mengambil maklum dan mempertimbangkan |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | cadangan yang disyorkan / disarankan selaras dengan peruntukan semasa sedia ada di MDSB. Disyorkan aset-aset PBT disediakan selaras dengan peruntukan. |
| | | 5.13 | Jawatankuasa juga mencadangkan agar peruntukan bagi aset-aset yang sesuai di setiap PBT dapat dipertingkatkan sebagai persediaan menghadapi bencana banjir. | | | **MBSA:**<br>Pihak Majlis sedang menyediakan Pelan Tindakan Banjir Shah Alam iaitu Shah Alam Sustainable Urban Drainage Masterplan (SASUD) yang mempunyai pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi pengurusan banjir di Shah Alam. SASUD mempunyai komponen *structural mitigation measures* dan *non-structural mitigation measures*. Ia dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2022.<br><br>Namun, pihak Majlis telah mempunyai kerangka pelan tindakan yang selari dengan SASUD dalam persediaan |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

Y.A.B DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | menghadapi musim banjir bagi tahun 2022.<br><br>**MBPJ:**<br>Majlis mengambil maklum berhubung perkara ini. Peruntukan aset-aset juga diperuntukkan mengikut keperluan disediakan oleh Majlis.<br><br>**MBSJ:**<br>MBSJ telah membuat penambahan pembelian tiga (3) unit bot untuk persediaan banjir termasuk penambahan tiga puluh (30) anggota sukarelawan PANTAS. Lokasi penempatan mangsa banjir atau bencana juga telah dikenal pasti termasuk penyediaan logistik yang berkaitan.<br><br>**MPK:**<br>MPK memohon untuk pembelian bot bagi membantu dan mempercepatkan operasi menyelamat. Ini bagi |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Agensi Pertahanan Awam Malaysia dalam usaha memindahkan mangsa banjir.<br><br>**MPAJ:**<br>Pihak Majlis telah memperuntukan dan akan menambah aset-aset peralatan kecemasan yang bersesuaian bagi persediaan menghadapi bencana banjir untuk Skuad PANTAS MPAJ.<br><br>**MPS:**<br>MPS akan menyediakan peruntukan bagi pembelian aset-aset bagi menghadapi bencana banjir pada tahun 2022. Bagi penyediaan belanjawan 2023, MPS akan membuat perancangan dan cadangan bagi pembelian aset-aset dan kemudahan dalam menghadapi bencana banjir pada masa hadapan. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Tambahan aset seperti dua (2) unit lori MAN *truck c/w cargo hardtop* dan *taillift* 2 tonne, 5 unit *engined high pressure water jetter*, 5 *portable water tank 1000L c/w stand, 2 unit boat 14 feet boat c/w 20hp engine c/w ulv carrier, 5 unit tower spot light with engine, 10 unit water resistant light*, 5 unit 3Kw genset yang melibatkan anggaran peruntukan berjumlah RM1 juta.<br><br>**MPKj:**<br>MPKj telah membaik pulih dan menambah baik kemudahan Dewan Komuniti MPKj bagi persediaan menghadapi bencana banjir. Sebanyak tujuh (7) buah Dewan Komuniti yang digunakan semasa misi Pembersihan Pasca Banjir di Daerah Hulu Langat pada bulan Disember 2021 yang lalu. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **MPSp:** Jumlah aset untuk kegunaan Skuad PANTAS MPSepang telah diperkasa dengan penambahan satu (1) unit bot dan kini MPSepang telah memiliki dua (2) unit bot bagi tujuan menyelamatkan mangsa banjir. Antara peralatan lain yang dimiliki oleh MPSepang adalah seperti:<br>i. Mesin pemotong pokok;<br>ii. Pam air; dan<br>iii. *Water Jet* elektrik dan petrol.<br><br>Ahli Skuad PANTAS turut ditambah bergantung pada keperluan dari masa ke semasa.<br><br>**MPKL:**<br>MPKL, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta agensi lain sentiasa bekerjasama rapat dalam menghadapi situasi bencana di daerah ini. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Pusat Pemindahan Sementara (PPS) adalah pusat yang telah diwartakan oleh pihak Kerajaan melalui JKM. Dalam waktu bencana seperti banjir dan pandemik COVID-19, sekolah-sekolah kerajaan telah diberi kebenaran dan diwartakan sebagai PPS kerana faktor keluasan bagi mengurangkan kadar jangkitan.<br><br>Selain itu, MPKL, PDT serta JKM dari masa ke semasa akan terus mengenal pasti fasiliti yang sesuai dan selesa untuk diwartakan dan seterusnya dijadikan PPS bagi mangsa-mangsa bencana.<br><br>Dalam masa yang sama, pihak MPKL mempunyai lapan (8) buah dewan yang boleh digunakan seperti:<br>i. Dewan Sri Jugra;<br>ii. Dewan Kompleks Sukan; |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | iii. Dewan Orang Ramai Telok Panglima Garang;<br>iv. Dewan Orang Ramai Jenjarom;<br>v. Dewan MPKL Banting Baru;<br>vi. Dewan Orang Ramai Taman Seri Putera;<br>vii. Dewan Orang ramai Tanjong Sepat; dan<br>viii. Dewan Serbaguna BSP, Bandar Saujana Putera.<br><br>Sekiranya perlu, pihak MPKL bersedia untuk menjadikan dewan-dewan ini sebagai PPS.<br><br>**MPKS:**<br>Pihak MPKS telah membuat pembelian tiga (3) buah bot untuk aktiviti menyelamat mangsa banjir oleh Unit Pasukan PANTAS.<br><br>Keperluan-keperluan seperti di bawah perlu ditambah baik bagi melancarkan tindakan |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | PBT dalam mengurus dan menghadapi bencana banjir:<br>i. Tong roro;<br>ii. Tong sampah;<br>iii. *Water jet* petrol;<br>iv. Penarik air;<br>v. Berus lantai;<br>vi. Kasut bot;<br>vii. Penyapu;<br>viii. Plastik sampah;<br>ix. Skop pasir;<br>x. Sarung tangan;<br>xi. Tandas bergerak;<br>xii. Paip getah;<br>xiii. Kereta sorong;<br>xiv. Mop;<br>xv. Mesin penarik air; dan<br>xvi. Sabun mencuci lantai.<br><br>**MPHS:**<br>MPHS dalam perancangan untuk menambah dan menaik taraf aset bencana. Buat masa ini, MPHS sedang melaksanakan pembelian *inflatable boat* untuk naik taraf aset bencana. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **MDSB:**<br>MDSB mencadangkan agar bantuan peruntukan disalurkan kepada PBT supaya aset-aset dan kemudahan terkini dapat disediakan. |
| | | 5.14 | Jawatankuasa turut menggesa PBT untuk bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bagi mengenal pasti lokasi-lokasi yang lebih selamat, sesuai dan selesa yang boleh dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS) mangsa-mangsa banjir. | | | **MBSA:**<br>Pihak Majlis sentiasa mengadakan perbincangan dan mengemaskini lokasi-lokasi PPS dengan PDT untuk memastikan ia terurus dan selamat digunakan. Pihak Majlis akan sentiasa mendapatkan makluman terkini daripada PDT tentang status PPS di Daerah Petaling dan Daerah Klang melalui Mesyuarat Persediaan Bencana Peringkat Daerah dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah.<br><br>**MBPJ:**<br>Majlis mempunyai sebanyak 30 PPS. |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | **MBSJ:**<br>MBSJ telah menyediakan dewan-dewan berikut sebagai PPS:<br><br>i. Dewan Serbaguna MBSJ (Camelia) Putra Heights;<br>ii. Dewan Serbaguna MBSJ Taman Batu Tiga;<br>iii. Dewan Serbaguna MBSJ SS15/5;<br>iv. Dewan Serbaguna MBSJ Taman Kinrara;<br>v. Dewan Serbaguna MBSJ Puchong Jaya;<br>vi. Dewan Serbaguna MBSJ Puchong Indah;<br>vii. Dewan Serbaguna MBSA Seri Kembangan; dan<br>viii. Stadium MBSJ Serdang Jaya.<br><br>**MPK:**<br>Senarai sedia ada dewan milik MPK yang dijadikan PPS adalah seperti yang berikut: |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | (table below) MPAJ / MPS |

| Bil. | Dewan | Kapasiti |
|---|---|---|
| 1. | Dewan Teluk Pulai, Klang | 300 orang |
| 2. | Dewan Meru, Klang | 400 orang |
| 3. | Dewan Ahmad Razali, Klang | 500 orang |
| 4. | Dewan Kompleks Sukan Pandamaran, Klang | 300 orang |
| 5. | Dewan Bandar Sultan Sulaiman, Klang | 250 orang |
| 6. | Dewan Kampong Jawa | 100 orang |

**MPAJ:**
Terdapat sebelas (11) buah Dewan Orang Ramai MPAJ yang sesuai dan selesa untuk dijadikan sebagai PPS mangsa-mangsa banjir.

**MPS:**
Pihak Majlis telah menyediakan Dewan Orang Ramai untuk dijadikan PPS adalah seperti yang berikut:

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | 1. Dewan Siantan, Jalan Sungai Tua;<br>2. Dewan Seroja, Kg Bendahara;<br>3. Dewan Merdeka Batu 20;<br>4. Dewan Kg Melayu Sri Kundang;<br>5. Dewan Matang Pagar;<br>6. Dewan Ixora, Kundang Botani; dan<br>7. Dewan Datin Zaleha<br><br>**MPKj:**<br>Pihak MPKj telah menyediakan tujuh (7) buah Dewan Komuniti MPKj sebagai tempat penempatan sukarelawan, tempat pengumpulan serta bertindak sebagai Bilik Gerakan Pembersihan Pasca Banjir dan PDT Hulu Langat sebagai penyelaras.<br><br>**MPSp:**<br>Pihak Majlis sentiasa dalam keadaan bersiap siaga dari segi kemudahan logistik dan kemudahan kelengkapan PPS |



Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | yang telah ditetapkan. Dewan Orang Ramai Taman Gemilang yang terletak di Dengkil telah dijadikan sebagai Pusat Penempatan Bencana Daerah Sepang.<br><br>**MPKS:**<br>Perbincangan bersama PDT Kuala Selangor akan dilaksanakan bagi mengenal pasti lokasi-lokasi banjir dan lokasi sebagai kawasan PPS mangsa-mangsa banjir.<br><br>**MPHS:**<br>MPHS bersedia bekerjasama dengan PDT Hulu Selangor bagi menyediakan dewan-dewan milik MPHS sahaja tertakluk kepada penetapan yang dibuat oleh PDT bagi keperluan PPS mangsa-mangsa banjir.<br><br>**MDSB:**<br>MDSB mengambil maklum saranan ini dan akan bekerjasama dengan PDT |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | bagi memastikan lokasi yang selamat, bersesuaian dan selesa dijadikan sebagai PPS mangsa-mangsa banjir. |
| | | 5.15 | Jawatankuasa mencadangkan agar kakitangan di setiap PBT diberikan latihan pengurusan bencana banjir sebagai langkah persediaan awal. | | | **MBSA:**<br>Untuk makluman, Urus Setia Pegurusan Bencana MBSA bagi Tahun 2022 telah merancang beberapa kursus berkaitan kesiapsagaan kepada Kakitangan MBSA bagi membolehkan Pengurusan Bencana Banjir di masa akan datang lebih terancang dan efisien. Berikut adalah cadangan kursus yang akan diberikan kepada kakitangan MBSA:<br><br>i. Kursus Asas Pengurusan Bencana.<br>(Kakitangan yang terlibat dalam pengurusan bencana terutamanya yang bertugas di barisan hadapan);<br><br>ii. Kursus Menyelamat Mangsa Banjir |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | (Pasukan Tindakan Kecemasan);<br><br>iii. Kursus pengendalian Jentera menyelamat (Bot, Jet Ski, Backhoe dll); dan<br><br>iv. Simulasi Pelan Kesinambungan Perkhidmatan.<br><br>**MBPJ:**<br>MBPJ telah merancang untuk mengadakan Bengkel Pengurusan Krisis (Bencana) untuk kakitangan yang mewakili setiap jabatan / unit.<br><br>Bengkel ini bertujuan untuk memastikan semua kakitangan mendapat pengetahuan dan kemahiran baharu serta panduan pengurusan krisis dan bencana yang komprehensif serta dapat menentukan hala tuju, dasar dan polisi pengurusan bencana yang efektif dari masa ke semasa. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Majlis juga telah melantik Pegawai Bertanggungjawab (PIC Bencana) bagi setiap Jabatan/Unit yang terlibat mengikut zon di kawasan Petaling Jaya.<br><br>**MBSJ:**<br>MBSJ telah melaksanakan latihan berkaitan pengurusan bencana banjir bagi tahun 2021 seperti berikut:<br><br>i. Tajuk: Latihan Uji Cuba Peralatan Menyelamat Di Air<br>Tarikh: 13 Oktober 2021<br>Lokasi: Lombong Puchong Utama, Puchong<br>Bil. Peserta: 31 Orang<br><br>ii. Tajuk : Kursus Menyelamat Di Air Dan Latihan Renang<br>Tarikh: 26 Oktober 2021<br>Lokasi: Kolam Renang Kompleks 3K, Subang Jaya<br>Bil. Peserta: 31 Orang<br><br>**MPK:** |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Majlis sedang dalam menyediakan perancangan dan latihan bagi pengurusan bencana.<br><br>**MPAJ:**<br>Pihak Majlis telah menyelaras kursus-kursus berkaitan pengurusan bencana banjir sebagai langkah persediaan awal kepada semua kakitangan yang terlibat dalam tindakan bencana. Kursus Pengurusan teknik untuk latihan kecemasan dan bencana telah dibuat dan akan ditambah baik dari masa ke semasa.<br><br>**MPS:**<br>Latihan asas bencana banjir boleh diadakan supaya PBT mempunyai pengetahuan dan kesiapsiagaan apabila berdepan bencana itu.<br><br>Cadangan supaya latihan pengurusan bencana banjir dikendalikan oleh Jawatankuasa |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.<br><br>**MPKj:**<br>MPKj sememangnya melaksanakan Kursus Pengurusan Bencana secara tahunan kepada ahli Skuad PANTAS yang terdiri daripada kakitangan majlis sendiri sebagai langkah persediaan awal untuk menghadapi bencana banjir dan juga lain-lain bencana.<br><br>**MPSp:**<br>Latihan berkaitan akan diberikan mengikut keperluan dari semasa ke semasa dan MPSepang telah menghantar seramai 30 orang kakitangan menyertai Kursus Pemerkasaan Kaedah Menyelamat oleh Anggota PANTAS pada 29 hingga 31 Mac 2022.<br><br>**MPKS:**<br>Pihak Majlis telah membeli tiga (3) buah bot beserta mesin bot 8hp yang akan digunakan oleh |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | skuad Pantas MPKS apabila berlaku banjir. Pihak Majlis juga sedang dalam proses pembelian mobile pump yang akan digunakan semasa berlaku banjir.<br><br>Pihak MPKS melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan mengadakan latihan berkaitan keselamatan bangunan dan mencadangkan untuk modul tambahan berkaitan persediaan awal menghadapi bencana banjir pada 22 hingga 24 Jun 2022 di Pejabat Utama MPKS, Kuala Selangor.<br>Pihak MPKS juga akan menghantar dua (2) orang kaitangan untuk kursus pengendalian bot pada 5 hingga 10 Jun 2022 di UTM Space, Kuala Lumpur.<br><br>**MPHS:**<br>MPHS telah menyediakan kursus/latihan yang bersesuaian |

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | seperti kursus penebangan pokok dan pertolongan cemas.<br><br>**MDSB:**<br>MDSB mengambil maklum untuk menyediakan latihan kemahiran kepada kakitangan. Skuad PANTAS MDSB, adalah pasukan yang akan melaksanakan tindakan awal sekiranya berlaku bencana. Dengan adanya latihan pengurusan bencana banjir kepada kakitangan ianya dapat membantu menambah tenaga kerja pasukan skuad PANTAS. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
S.P.M.S
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Y.B. TUAN NG SZE HAN
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN